



10 JUN, 2025

Prestasi pasaran hambar dijangka pulih separuh kedua

Berita Harian, Malaysia



Prestasi pasaran hambar dijangka pulih separuh kedua

Banyak syarikat catat keputusan kewangan suku pertama 2025 di bawah unjuran

Oleh Alzahrin Alias
bbbiz@bh.com.my

Prestasi pasaran saham Malaysia yang hambar pada suku pertama 2025 dijangka kembali pulih separuh kedua tahun ini, disokong pemulihan dalam sektor hartanah, tenaga boleh baharu, penjagaan kesihatan dan amanah pelaburan hartanah (REIT), menurut Maybank Investment Bank (Maybank IB).

Firma penyelidikan itu berkata, secara keseluruhan, keputusan kewangan suku pertama 2025 yang berakhir pada Februari/Mac adalah lemah dengan lebih banyak syarikat mencatatkan keputusan di bawah jangkaan berbanding yang mengatasi.

“Sebanyak 28 peratus syarikat di bawah liputan kami menca-

tatkan keputusan di bawah jangkaan, manakala hanya 15 peratus mengatasi jangkaan. Selebihnya, 55 peratus selari dengan unjuran.

“Pendapatan teras keseluruhan susut 2.4 peratus tahun ke tahun dan 0.8 peratus suku ke suku, mencerminkan prestasi paling lemah sejak suku pertama 2023,” katanya dalam nota penyelidikan mengenai strategi Malaysia.

Maybank IB berkata, prestasi lesu itu turut memaksa firma penyelidikan itu menurunkan unjuran pertumbuhan pendapatan KLCI kepada hanya 2.5 peratus bagi 2025 dan 7.7 peratus bagi 2026, berbanding 6.1 peratus dan 7.0 peratus sebelumnya.

Sektor perbankan dan perladangan menjadi penyumbang utama penyusutan unjuran itu, disebabkan penurunan pertumbuhan pinjaman, penyempitan margin faedah bersih serta peningkatan kos kredit, selain eksport minyak sawit yang lebih terjejas akibat operasi hiliran.

Susulan itu, sektor perbankan dan minyak dan gas (O&G) diturunkan kepada ‘neutral’ daripada ‘positif’, manakala Tenaga Nasional Bhd (TNB) dinaikkan kepada ‘beli’ daripada ‘pegang’ susulan

prospek perbelanjaan modal terkawal dalam Rancangan Peraturan Harga (RP4).

Sektor domestik kekal positif
Walaupun unjuran pasaran diturunkan dengan sasaran akhir tahun KLCI bagi 2025 dikurangkan kepada 1,660 mata daripada 1,700, Maybank IB kekal positif terhadap sektor domestik terpilih.

“Sektor yang dijangka menyumbang kepada pemulihan pasaran pada separuh kedua 2025 adalah pengguna, pembinaan, penjagaan kesihatan, REIT dan tenaga boleh baharu.

“Beberapa faktor seperti pelancaran projek baharu oleh pemaju hartanah, sumbangan aset baharu REIT, penganugerahan projek LSS5 dan LSS5+ serta peningkatan jualan automotif dengan pelancaran model baharu dijangka merangsang semula pertumbuhan,” katanya.

Firma itu turut mengenal pasti beberapa saham pilihan utama dalam kalangan syarikat besar seperti Public Bank, AMMB Holdings, YTL Power, **Tenaga Nasional** dan Gamuda, serta syarikat kecil dan pertengahan seperti KPJ Healthcare, Farm Fresh, ITMAX, ATECH, AEON, Solarvest dan

Sunway REIT.

Meskipun begitu, Maybank IB mengingatkan pasaran kekal terdedah kepada ketidakpastian, khususnya berkaitan dasar tarif.

Senario terburuk menyaksikan sasaran KLCI boleh jatuh serendah 1,300 mata jika pertumbuhan pendapatan 2026 mencecah sifar dan penilaian pasaran susut ke paras paling rendah dalam tempoh lima tahun.

Sementara itu, hanya 12 peratus syarikat di bawah liputannya mencatatkan peningkatan pendapatan dan penarafan dalam musim keputusan kewangan suku pertama 2025, antaranya Sunway Construction, Padini, YTL REIT, Solarvest dan Capital A.

Dalam masa sama, saham Top Glove, Sime Darby, RHB Bank, MISC dan Tan Chong Motor pula menerima penurunan penarafan berikutan prospek yang kurang memberangsangkan.

Maybank IB turut memaklumkan bahawa sektor pengguna menunjukkan prestasi lebih baik berbanding suku keempat 2024, didorong perbelanjaan musim perayaan, manakala sektor pengangkutan, pembinaan dan O&G mencatat pertumbuhan pendapatan lebih 20 peratus secara sukuan.